

Keputusan darurat atau tidak minggu depan: PM

BH - 9/10/2021 m/s: 14

Kerajaan akan putuskan PRN di Melaka selepas adakan perbincangan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan membuat keputusan minggu depan, sama ada akan menasihatkan Pemangku Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat di Melaka bagi menangguhkan Pilihan Raya Negeri (PRN).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam proses mendapat taklimat daripada beberapa pihak berhubung perkara itu, sebelum membuat keputusan.

Beliau berkata, Jemaah Menteri membincangkan isu PRN Melaka pada mesyuarat semalam, namun tidak membabitkan sebarang keputusan.

“Tadi kita adakan mesyuarat Kabinet dan bincang tentang situasi di Melaka. Kita belum membuat sebarang keputusan lagi.

“Ini kerana saya difahamkan, Pemangku Yang di-Pertuan Agong akan mendapatkan taklimat daripada Peguam Negara, Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Jadi kita tungguhlah selepas taklimat kepada Pemangku Yang di-Pertuan Agong.

“Kabinet akan membuat ke-

putusan minggu depan,” katanya selepas Majlis Prapelancongan Keluarga Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai saranan kerajaan menasihatkan Pemangku Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat di Melaka bagi menangguhkan PRN di negeri itu.

Sebelum ini, beberapa pakar Perlembagaan dan kesihatan awam menyifatkan proklamasi darurat sebagai penyelesaian terbaik bagi mengelak PRN Melaka ketika negara masih berdepan wabak COVID-19.

Ia berikutan kebimbangan terhadap kemungkinan situasi pandemik di Malaysia akan kembali serius jika PRN Melaka diadakan seperti yang berlaku selepas PRN Sabah.

Ketua Menteri Melaka, Datuk

Seri Sulaiman Md Ali, memohon membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkuat kuasa 4 Oktober lalu selepas beliau hilang majoriti sokongan susulan tindakan empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada blok kerajaan menarik sokongan terhadap kepemimpinannya.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Ali Rustam memperkenankan permohonan pembubaran itu.

Mengikut Perlembagaan negeri, PRN perlu dilaksanakan dalam tempoh 60 hari selepas pembubaran DUN.

Ketika ini, jumlah kes harian COVID-19 di Melaka antara 200 hingga 300 jangkitan sehari, manakala kadar pelalian lengkap bagi seluruh penduduk di negeri itu adalah 64.7 peratus dan 88.6 peratus bagi penduduk dewasa.